PUSAT PENILAIAN PENDIDIKAN, KUMPULAN PEMBUDAYAAN SAINS DAN PEMBINAAN JATIDIRI KEBANGSAAN & PUSAT PEMBANGUNAN AKADEMIK

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BENGKEL LESSON STUDY

HASIL PEMBELAJARAN

Di akhir bengkel, peserta akan dapat :

- Mempelajari pendekatan meningkatkan profesionalisme pengajaran melalui 'Lesson Study'.
- Merekabentuk teknik pengajaran yang menggalakkan pembelajaran secara kolaboratif di dalam kelas.
- Meningkatkan proses pengajaran melalui penyelidikan yang melibatkan 'lesson study'

SINOPSIS BENGKEL

"Lesson study" merujuk kepada penyelidikan kolaborasi proses pengajaran dan pembelajaran. Ia berfokus kepada isu-isu utama berkaitan proses pengajaran antara guru dan gaya pembelajaran pelajar. Kaizen merupakan tunjang proses 'lesson study', dan melaluinya, guru-guru belajar antara satu sama lain untuk berkongsi idea dan untuk meningkatkan kualiti pengajaran mereka. "Lesson study'" dijalankan sebagai kitaran komuniti pembelajaran, mengikuti langkah-langkah seperti merancang, bertindak dan memerhati, memeriksa, dan menrefleksi.

1. **Menyediakan rancangan pengajaran kolaborasi:** Beberapa pengajar membincangkan secara terperinci tentang tema pengajaran yang telah dipilih untuk difokuskan. Seterusnya membincangkan kandungan dan bahan pengajaran serta kaedah yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Akhir sekali, pengajar akan berhujah cara untuk memperbaiki rancangan pengajaran sebelum melaksanakannya.
2. **Menjalankan dan memerhatikan pengajaran:** Salah seorang daripada pengajar bersetuju untuk menjalankan pengajaran berdasarkan rancangan pengajaran dan pengajar lain memerhati secara aktif dan mecatat tentang apa yang berlaku semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Setiap pengajar mempunyai peranan yang khusus untuk memerhatikan aktiviti-aktiviti pendidikan yang tersurat dan tersirat di dalam kelas.
3. **Menyemak dan menilai**: Selepas sesi pengajaran, semua pengajar akan berkumpul sebagai satu kumpulan untuk menilai rancangan pengajaran dan pelaksanaannya. Semasa sesi ini, mereka mengkaji kesesuaian tema pengajaran, bahan-bahan yang digunakan, kaedah pengajaran, masalah dengan prestasi pengajar, dan tindak balas pelajar dalam aktiviti-aktiviti dalam kelas.
4. **Merefleksi dan bertindak**: Pengajar membincangkan cara untuk menyemak semula rancangan pengajaran dan amalan kaedah pengajaran. Berdasarkan pemerhatian dan refleksi mereka, pengajar mencadangkan strategi pengajaran-pembelajaran yang baru, berkongsi penemuan mereka dan menjalankan pembelajaran terarah kendiri, pembangunan profesional kendiri dan penyelidikan berasaskan konteks pengajaran. Pengajar menyediakan langkah-langkah tindakan yang akan diambil berdasarkan apa yang dipelajari dan apa yang perlu dicapai untuk memperkayakan amalan dalam kelas dan meningkatkan proses pembelajaran.

PENCERAMAH / FASILITATOR

PM Dr. Mohammad Reza Sarkar Arani merupakan Pengarah Bahagian Penyelidikan Pendidikan Sekolah Menengah, Yayasan Pendidikan Nagoya Ishida dan Penyelidik Pusat Pengajian Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Fakulti Seijoh Universiti. Beliau juga merupakan Profesor pelawat di Universiti Kobe dan Felo Postdoctoral di Universiti Nagoya, di mana beliau telah menyiapkan PhD. Bidang kepakaran beliau adalah budaya pendidikan dan pembangunan profesional guru dalam teori dan amalan. Beliau telah menulis secara meluas dalam bidang pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan rendah dan pendidikan tinggi. Beliau juga menghasilkan pelbagai penerbitan yang diterbitkan dalam jurnal kebangsaan dan antarabangsa dalam bahasa Parsi, Jepun dan Inggeris.

PM. Dr Yoshiaki Shibata merupakan pensyarah di Nagoya University. Beliau melakukan banyak penyelidikan secara kolaboratif tentang "lesson Study' di Nagoya dan Seijoh University. Beliau banyak menghasilkan penerbitan dan diterbitkan dalam jurnal kebangsaan dan antarabangsa berkaitan lesson study bersama dengan PM Dr Mohammad Sarkar Arani.

Tarikh : **12 September 2012**

Hari : **Rabu**

Masa : **8.30 pg ~ 5.00 ptg**

Tempat : **Puri Pujangga**

Permohonan kursus boleh dibuat melalui Sistem Pengurusan Latihan di **www.ukm.my/espel**

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Pusat Penilaian Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Tel : 03-8921 7155
Faks : 03-8925 4372

URUSETIA

Pn. Sahariah Abdul Halim
Tel: 8921 7155
emel : sah@ukm.my

atau

Pn. Zaharah Zainal
Tel: 8921 4716
emel : zara@ukm.my

atau

Cik Juriah Mhd. Sarif
Tel: 8921 4840
emel : juriahms@ukm.my